



KERAJAAN MALAYSIA

**Piawaian Perakaunan Islam
bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW)**

PPIBZW

Panduan Pelaksanaan – Hasil, Belanja dan Liabiliti
Seksyen 19, Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran

November 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem penemuan kembali atau ditukar dalam sebarang bentuk atau dengan apa-apa cara sekalipun tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia atau sebagaimana yang dibenarkan secara nyata oleh undang-undang atau di bawah terma yang dipersetujui dengan organisasi yang mempunyai hak reprografi.

Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk diguna pakai oleh Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf di Malaysia.

Disediakan dan diterbitkan oleh:
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
No. 1, Persiaran Perdana
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Putrajaya

Tel. : 03-88821000
Web : <https://www.anm.gov.my>

KANDUNGAN

Muka Surat

Seksyen 19 – Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran	1
Panduan Aplikasi.....	1
Takrif.....	1
Transaksi Bukan Pertukaran (rujuk Seksyen 18.9 (f)).....	1
Obligasi Pelaksanaan (rujuk Seksyen 19.6 (g)).....	1
Pengaturan Mengikat (rujuk Seksyen 19.6 (j)).....	1
Pengenalpastian Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran	4
Pengiktirafan Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran	6
Pindahan dengan Obligasi Pelaksanaan (Seksyen 19.50 – 19.53).....	6
Pindahan tanpa Obligasi Pelaksanaan (Seksyen 19.54).....	8
Pengukuran	12
Pengukuran Aset Dipindahkan (rujuk Seksyen 19.55 – 19.56).....	12
Menentukan Nilai Transaksi (Seksyen 19.61 – 19.71).....	12
Pendedahan (rujuk Seksyen 19.122 – 19.130).....	13
Pendedahan Hasil Secara Bukan Agregat.....	13
Pendedahan Kemungkinan Terma dan Syarat Pengaturan Mengikat.....	13
Contoh Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran	15
Contoh 1 – Pengiktirafan Kutipan Zakat (Seksyen 19.29)	15
Contoh 2 – Pindahan Lain: Derma tanpa Obligasi	18
Contoh 3 – Pindahan Tunai dengan Obligasi (Seksyen 19.72 – 19.76).....	19
Contoh 4 – Pindahan daripada Kerajaan Negeri – transaksi tidak boleh dikuatkuasakan	19
Contoh 5 – Wasiat Cadangan (perenggan PA34 – PA36)	19
Contoh 6 – Denda dengan Obligasi Pelaksanaan (Seksyen 19.108 – 19.111).....	19
Contoh 7 – Denda tanpa Obligasi Pelaksanaan	20
Contoh 8 – Pemberian dalam Bentuk Barangan yang Diterima sebagai Hasil (perenggan PA28 – PA42)...	20
Contoh 9 – Penerimaan Aset Menggunakan Wang Tak Patuh Syariah (Seksyen 19.106 – 19.107)	20
Contoh 10 – Pendedahan Pemberian Dalam Bentuk Perkhidmatan yang Tidak Diiktiraf (Seksyen 19.122 – 19.130).....	20
Contoh 11 – Interaksi antara Keperluan Pengukuran Seksyen 19, Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran dan Seksyen 26, Instrumen Kewangan.....	21

Seksyen 19 – Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran

Panduan Aplikasi

Lampiran ini adalah sebahagian daripada Seksyen 19, Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran.

Takrif

Transaksi Bukan Pertukaran (rujuk Seksyen 18.9 (f))

PA1. Transaksi bukan pertukaran ditakrifkan sebagai transaksi selain daripada transaksi pertukaran dalam Seksyen 18, Hasil daripada Transaksi Pertukaran. Dalam transaksi bukan pertukaran, suatu entiti sama ada menerima nilai daripada entiti lain tanpa secara langsung memberi nilai yang hampir sama dalam pertukaran, atau memberi nilai kepada entiti lain tanpa secara langsung menerima nilai yang hampir sama dalam pertukaran. Contoh transaksi bukan pertukaran ialah apabila entiti menerima fidyah daripada pembayar atau apabila entiti menerima balasan sewaan pada kadar bawah pasaran.

Obligasi Pelaksanaan (rujuk Seksyen 19.6 (g))

PA2. Obligasi pelaksanaan ditakrifkan dalam Seksyen 19, Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran sebagai pengaturan mengikat di antara penyedia pindahan dan penerima pindahan untuk memindahkan barangan, perkhidmatan atau aset lain, apabila penerima pindahan dikehendaki untuk melaksanakan aktiviti boleh ditentukan atau menanggung perbelanjaan layak atas barangan, perkhidmatan atau aset lain yang dipindahkan yang akan menimbulkan obligasi kini kepada penerima pindahan.

Contoh penyedia pindahan adalah entiti yang menyediakan pindahan tersebut seperti pembayar fidyah dan pembayar zakat. Manakala, contoh bagi penerima pindahan adalah apabila entiti yang menerima pindahan tersebut seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) menerima fidyah atau kutipan zakat.

Contoh bagi elemen aktiviti boleh ditentukan ialah fidyah yang diterima oleh entiti perlu diagihkan kepada fakir miskin. Pengagihan fidyah kepada fakir miskin merupakan tindakan khusus yang mesti disempurnakan oleh MAIN berdasarkan hukum syarak.

Contoh bagi elemen perbelanjaan layak ialah kutipan zakat yang diterima hendaklah diagihkan. Agihan tersebut merupakan perbelanjaan layak kerana agihan zakat merupakan aliran keluar sumber yang perlu ditanggung oleh MAIN berdasarkan hukum syarak yang menghendaki kutipan zakat diagihkan kepada asnaf tertentu.

Pengaturan Mengikat (rujuk Seksyen 19.6 (j))

PA3. Pengaturan mengikat ditakrifkan dalam Seksyen 19, Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran sebagai pengaturan yang memberikan hak boleh kuat kuasa dan obligasi kepada pihak-pihak dalam pengaturan tersebut. Kontrak merupakan salah satu jenis pengaturan mengikat.

Untuk dianggap sebagai pengatur mengikat bagi tujuan Seksyen ini, hak dan obligasi dalam pengatur ini mesti boleh dikuatkuasakan berdasarkan syariah (rujuk Seksyen 2.4 (j)), undang-undang atau yang setara, seperti yang dibincangkan dalam perenggan PA8 - PA12. Sesetengah transaksi dalam skop Seksyen ini mungkin boleh dikuatkuasakan, tetapi hanya mewujudkan hak atau obligasi untuk satu pihak. Transaksi ini tidak memenuhi keperluan pengatur mengikat kerana kekurangan penguatkuasaan dua hala. Contoh pengatur mengikat yang boleh dikuat kuasa berdasarkan syariah adalah akuan penerimaan harta luqatah oleh MAIN yang boleh dikuatkuasakan berdasarkan keputusan fatwa.

- PA4. Pengatur boleh dikuatkuasakan apabila penerima pindahan dan penyedia pindahan dapat menguatkuasakan hak dan obligasi berdasarkan syariah, undang-undang atau setara.
- PA5. Untuk pengatur boleh dikuatkuasakan melalui 'cara yang setara', mekanisme di luar sistem undang-undang diperlukan untuk mewujudkan hak penyedia pindahan untuk mewajibkan penerima pindahan untuk menyelesaikan obligasi ini yang dipersetujui atau tertakluk kepada remedi untuk ketidakpatuhan. Begitu juga, mekanisme di luar sistem undang-undang diperlukan untuk mewujudkan hak penerima pindahan untuk mewajibkan penyedia pindahan membayar balasan yang dipersetujui.
- PA6. Penerima pindahan mempertimbangkan inti pati dan bukannya bentuk sahnya bagi pengatur dalam menentukan sama ada ia boleh dikuatkuasakan. Suatu pengatur boleh dikuatkuasakan oleh pihak lain melalui undang-undang atau setara jika perjanjian itu termasuk:
- (a) Hak dan obligasi yang berbeza untuk kedua-dua penerima pindahan dan penyedia pindahan; dan
 - (b) Remedi untuk ketidaklaksanaan oleh mana-mana pihak yang boleh dikuatkuasakan oleh pihak yang satu lagi melalui undang-undang atau setara.

Contoh bagi pengatur mengikat di PA6 ialah apabila entiti memperoleh geran daripada kerajaan untuk membangunkan bangunan dan dikenakan syarat supaya bangunan tersebut dihuni sehingga 90%. Sekiranya syarat tidak dipatuhi, geran tersebut dianggap sebagai hutang dan entiti mempunyai obligasi untuk membayar balik kepada kerajaan, seterusnya entiti boleh dikenakan tindakan undang-undang.

- PA7. Pengatur mengikat boleh dibuktikan dalam beberapa cara. Kebiasaannya, pengatur mengikat, adalah secara bertulis, dalam bentuk kontrak atau perbincangan yang didokumentasikan antara pihak tetapi terdapat situasi yang berlaku sebaliknya. Pengatur mengikat mungkin timbul daripada syariah, kontrak undang-undang atau melalui cara lain yang setara seperti mekanisme berkanun (contohnya, melalui pihak berkuasa perundangan, Ketua Agama Islam atau eksekutif dan/atau arahan daripada keputusan jawatankuasa yang diberi kuasa seperti Jawatankuasa Zakat, Jawatankuasa Baitulmal atau lain-lain). Pihak berkuasa perundangan, Ketua Agama Islam atau eksekutif boleh membuat pengatur yang boleh dikuatkuasakan, sama seperti pengatur kontrak, sama ada secara sendiri atau bersama dengan kontrak undang-undang antara pihak.

Kebolehkuatkuasaan (Seksyen 19.26)

PA8. Ciri utama pengaturan mengikat ialah keupayaan kedua-dua pihak untuk menguatkuasakan hak dan obligasi pengaturan tersebut. Walau bagaimanapun, dalam konteks syariah, hak dan obligasi dianggap boleh dikuatkuasakan oleh penerima pindahan. Ini kerana obligasi syariah bukan setakat mempunyai klausa dari sudut perundangan tetapi juga pensyariatannya yang jelas dinyatakan dalam al-Quran, Sunah dan/atau sumber-sumber hukum lain yang diterima.

Dalam konteks perundangan pula, keupayaan kedua-dua pihak untuk menguatkuasakan hak dan obligasi pengaturan tersebut bermaksud penerima pindahan yang menerima balasan (penerima pindahan) mestilah boleh melaksanakan janji untuk menerima pembiayaan (balasan). Begitu juga, penerima pindahan yang menyediakan pembiayaan (penyedia pindahan) mesti dapat menguatkuasakan pematuhan kepada obligasi yang ditanggung oleh penerima pindahan.

PA9. Kebolehkuatkuasaan undang-undang timbul daripada desakan sistem undang-undang, yang terdiri daripada bidang kuasa mahkamah, untuk mematuhi syarat-syarat pengaturan mengikat. Pematuhan kepada pengaturan mengikat ditentukan berdasarkan prinsip yang ditetapkan dalam undang-undang dan/atau peraturan sesuatu bidang kuasa, yang merangkumi perundangan, Ketua Agama Islam, kuasa eksekutif atau arahan menteri, serta keputusan penghakiman daripada kes undang-undang terdahulu yang dirujuk.

PA10. Pihak berkuasa eksekutif (kadangkala dipanggil perintah eksekutif) ialah kuasa yang diberikan kepada ahli atau ahli terpilih pentadbiran dalam entiti untuk membuat perundangan tanpa pengesahan oleh parlimen penuh. Ini boleh dianggap sebagai mekanisme penguatkuasaan yang sah jika perintah sedemikian dikeluarkan yang mengarahkan penerima pindahan untuk menyelesaikan obligasi ini.

PA11. Bentuk kebolehkuatkuasaan lain melalui 'cara yang setara' mungkin juga wujud dalam sektor awam dan mungkin khusus dari segi bidang kuasa. Arahan Ketua Agama Islam, kabinet dan menteri boleh mewujudkan mekanisme penguatkuasaan antara entiti lain yang berbeza atau peringkat entiti yang berbeza dalam struktur entiti yang sama. Sebagai contoh, arahan yang diberikan oleh Ketua Agama Islam, menteri atau entiti lain kepada penerima pindahan yang dikawal oleh entiti untuk menyelesaikan aktiviti boleh ditentukan mungkin boleh dikuatkuasakan. Begitu juga, arahan yang diberikan oleh Ketua Agama Islam, menteri atau entiti lain kepada penyedia pindahan yang dikawal oleh entiti untuk memindahkan balasan yang dijanjikan mungkin boleh dikuatkuasakan. Faktor penentu utama ialah setiap pihak mesti dapat menguatkuasakan janji yang dibuat dalam pengaturan mengikat. Setiap pihak mesti mempunyai kebolehan dan kuasa untuk memaksa pihak yang satu lagi memenuhi janji-janji yang ditetapkan dalam pengaturan itu atau untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya janji-janji tersebut tidak ditunaikan.

PA12. Kenyataan niat atau pernyataan umum khusus oleh penyedia pindahan seperti janji entiti untuk membelanjakan wang atau menghantar barangan dan perkhidmatan dengan cara tertentu bukanlah, dengan sendirinya, pengaturan yang boleh dikuatkuasakan untuk tujuan Seksyen ini. Perisytiharan sedemikian adalah bersifat umum dan tidak mewujudkan pengaturan mengikat antara penyedia pindahan dan penerima pindahan. Penerima pindahan perlu mempertimbangkan sama ada pengumuman awam sedemikian menimbulkan obligasi (konstruktif) yang tidak mengikat di bawah Seksyen 25, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka & Aset Luar Jangka.

Pengenalpastian Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran

PA13. Contoh berikut memberikan ilustrasi cara suatu entiti menentukan sama ada transaksi adalah transaksi pertukaran atau transaksi bukan pertukaran.

Contoh 1 – Tanah

Entiti A menerima sumbangan sebidang tanah untuk membangunkan sebuah pusat perlindungan wanita yang menawarkan khidmat perkhidmatan perlindungan, pemulihan dan kaunseling wanita.

Transaksi adalah transaksi bukan pertukaran.

Justifikasi:

Transaksi ini memenuhi takrif hasil daripada transaksi bukan pertukaran iaitu entiti menerima tanah tanpa memberi sebarang balasan yang setara.

Contoh 2 – Penyewaan hartanah di bawah kadar pasaran

Rumah disewakan pada kadar RM100 sebulan di Kampung Serigala, Selangor. Kadar pasaran bagi sewaan di kawasan tersebut adalah bernilai RM500 sebulan.

Transaksi adalah transaksi bukan pertukaran.

Justifikasi:

Transaksi ini mempunyai sifat transaksi pertukaran. Walau bagaimana pun, disebabkan balasan sewaan tersebut tidak menghampiri nilai saksama sewaan iaitu bayaran sewaan yang dikenakan adalah di bawah kadar pasaran dan termasuk dalam takrif transaksi bukan pertukaran. Ini berdasarkan anggapan entiti mempunyai polisi berkaitan nilai ambang kadar sewaan, seperti sekiranya kadar sewaan menghampiri nilai saksama, apabila ia melebihi 50% daripada kadar pasaran. Contohnya, dalam menentukan kadar yang menghampiri nilai saksama iaitu kadar pasaran sebanyak RM500, kadar sewaan yang menghampiri nilai saksama adalah melebihi 50% daripada RM500 iaitu RM250. Oleh itu, kadar sewaan RM100 sebulan adalah tidak menghampiri nilai saksama dan kadar sewa tersebut dianggap sebagai kadar sewaan di bawah kadar pasaran.

Entiti boleh menentukan satu nilai ambang kepada kadar pasaran melalui polisi atau dasar kewangannya.

Contoh 3 – Kutipan zakat

Lembaga Zakat menerima kutipan zakat pendapatan sebanyak RM150,000 daripada syarikat A. Lembaga Zakat tidak menyediakan sebarang balasan kepada syarikat A.

Transaksi adalah transaksi bukan pertukaran.

Justifikasi:

Kutipan zakat tersebut memenuhi takrif transaksi bukan pertukaran kerana Lembaga Zakat merupakan penerima pindahan.

Contoh 4 – Denda

Entiti menerima bayaran denda sebanyak RM2,000 daripada individu A berdasarkan keputusan mahkamah kerana kesalahan memberi ceramah agama tanpa tauliah.

Transaksi adalah transaksi bukan pertukaran.

Justifikasi:

Kutipan denda tersebut memenuhi takrif transaksi bukan pertukaran dan termasuk dalam kategori pindahan lain.

Contoh 5 – Geran

i. geran pembangunan

Entiti menerima geran pembangunan sebanyak RM70 juta bagi tujuan pembinaan institusi pendidikan agama.

Transaksi adalah transaksi bukan pertukaran.

Justifikasi:

Geran tersebut memenuhi takrif transaksi bukan pertukaran dan termasuk dalam kategori pindahan lain.

ii. geran mengurus

Entiti menerima geran mengurus sebanyak RM30 juta setahun bagi menampung pembelanjaan emolumen, utiliti, dan sewaan.

Transaksi adalah transaksi bukan pertukaran.

Justifikasi:

Geran tersebut memenuhi takrif transaksi bukan pertukaran dan termasuk dalam kategori pindahan lain.

Contoh 6 – Pindahan Lain: Derma dengan Obligasi

Entiti (penerima pindahan) menerima derma daripada individu (penyedia pindahan) sebanyak RM20,000 untuk membiayai perbelanjaan makan minum dan aktiviti pusat perlindungan anak yatim. Derma ini dimasukkan dalam satu akaun amanah yang mempunyai surat ikatan amanah yang mengikat kedua-dua pihak. Surat ikatan amanah tersebut menyatakan butiran dana yang diterima oleh entiti untuk dibelanjakan khusus bagi menampung makan minum dan aktiviti pusat perlindungan anak yatim tersebut.

Transaksi adalah transaksi bukan pertukaran dan tidak dikategorikan sebagai hasil sebaliknya direkod sebagai liabiliti.

Justifikasi:

Dalam kes ini, entiti boleh mengiktiraf derma tersebut sebagai aset dan liabiliti tetapi tidak boleh mengiktiraf sebagai hasil daripada transaksi bukan pertukaran kerana transaksi tersebut bukan manfaat ekonomi dan potensi perkhidmatan yang mengalir kepada entiti dan tidak menyebabkan peningkatan dalam dana amanah. Selain itu, entiti tidak mempunyai budi bicara dalam menetapkan jenis perbelanjaan yang perlu dibuat untuk memenuhi keperluan yang telah ditetapkan oleh penyedia pindahan.

Pengiktirafan Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran

Panduan ini menerangkan bagaimana pengiktirafan hasil daripada transaksi bukan pertukaran melalui pindahan dengan obligasi pelaksanaan dan pindahan tanpa obligasi pelaksanaan.

Pindahan dengan Obligasi Pelaksanaan (Seksyen 19.50 – 19.53)

Entiti mempunyai obligasi pelaksanaan apabila terdapat pengaturannya yang mengikat yang menyebabkan aliran keluar sumber yang ditanggung bagi melaksanakan aktiviti yang boleh ditentukan atau menanggung perbelanjaan layak. Oleh yang demikian, entiti hendaklah mengenal pasti aktiviti yang boleh ditentukan dan perbelanjaan layak agar entiti mengetahui sama ada entiti mempunyai obligasi pelaksanaan atau tidak.

Aktiviti Boleh Ditentukan

- PA14. Seksyen 19.6 (a) mentakrifkan aktiviti boleh ditentukan sebagai tindakan khusus dalam pengaturannya mengikat yang mesti disempurnakan oleh penerima pindahan.
- PA15. Sebagai contoh, penyedia pindahan menyediakan pembiayaan kepada entiti (penerima pindahan) untuk membina sebuah hotel patuh syariah. Hotel yang dibina akan kekal menjadi hak milik entiti (penerima pindahan) tersebut. Pembiayaan disediakan berdasarkan pelan projek yang terperinci (dengan peringkat pembinaan dikenal pasti) yang disediakan oleh entiti (penerima pindahan) dan penyedia pindahan memerlukan entiti (penerima pindahan) melaporkan semula kemajuan pada setiap peringkat pembinaan. Setiap peringkat pembinaan ini membentuk aktiviti boleh ditentukan dan hasil akan diiktiraf apabila (atau setelah) ia selesai dan untuk amaun yang ditanggung dalam menyelesaikan aktiviti yang ditentukan tersebut selaras dengan Seksyen 19.49.
- PA16. Contoh berikut memberikan ilustrasi aktiviti boleh ditentukan bagi mengenal pasti sama ada pengaturannya mengikat mempunyai obligasi pelaksanaan:

Contoh 1 – Pembangunan institusi kebajikan

Kerajaan negeri memberikan tanah kepada entiti untuk dibangunkan sebagai institusi kebajikan. Entiti mempunyai obligasi untuk membangunkan institusi kebajikan dan kos pembangunan tersebut ditanggung oleh entiti. Pembangunan institusi kebajikan tersebut merupakan tindakan khusus yang mesti dilaksanakan oleh entiti. Oleh itu, aktiviti pembangunan tersebut adalah aktiviti boleh ditentukan.

Contoh 2 – Pembangunan sekolah

Entiti menerima geran bagi membina sebuah sekolah. Entiti mempunyai obligasi untuk membina sekolah dan aktiviti tersebut merupakan tindakan khusus yang mesti dilaksanakan oleh entiti. Oleh itu, aktiviti pembinaan tersebut adalah aktiviti boleh ditentukan.

Perbelanjaan Layak

- PA17. Seksyen 19.6 (k) ini mentakrifkan perbelanjaan layak sebagai aliran keluar sumber yang ditanggung mengikut keperluan yang ditetapkan dalam pengaturannya mengikat.
- PA18. Pindahan yang timbul daripada pengaturannya mengikat boleh disediakan dengan keperluan bahawa penerima pindahan menggunakan sumber tersebut bagi meneruskan objektif penerima pindahan, tetapi keperluan itu tidak diklasifikasikan sebagai aktiviti boleh ditentukan.
- PA19. Sebagai contoh, pembiayaan mungkin diberikan kepada entiti untuk menggaji pengurus pemasaran untuk mempromosikan produk Baitulmal kepada masyarakat. Pengaturannya mengikat menyatakan bahawa pembiayaan akan dibelanjakan untuk mempromosikan produk Baitulmal entiti di Malaysia. Gaji, perbelanjaan perjalanan dan sebarang bahan promosi yang digunakan oleh pengurus pemasaran, semuanya akan diklasifikasikan sebagai perbelanjaan layak. Hasil akan diiktiraf apabila perbelanjaan layak ini dilakukan selaras dengan Seksyen 19.49.

Contohnya, entiti menerima pembiayaan pada 3 Januari 20X3 sebanyak RM1 juta. Entiti telah membelanjakan sebanyak RM390,000 sehingga 31 Disember 20X3 dan hasil diiktiraf.

	RM	RM
Promosi produk Baitulmal:		
Brosur	40,000	
Kain Rentang	10,000	
Iklan (media sosial)	50,000	
Jumlah promosi produk Baitulmal		100,000
Penggajian pengurus pemasaran:		
Gaji	250,000	
Perbelanjaan perjalanan	40,000	
Jumlah penggajian pengurus pemasaran		290,000
Jumlah perbelanjaan layak		390,000

Oleh itu, hasil diiktiraf sebanyak RM390,000 sehingga 31 Disember 20X3.

- PA20. Penyedia pindahan perlu mengesahkan bahawa semua perbelanjaan yang dilakukan adalah layak, dan oleh itu, penerima pindahan perlu menyimpan dokumentasi yang sesuai untuk menunjukkan bahawa perbelanjaan telah ditanggung oleh penerima pindahan dan untuk tujuan yang dimaksudkan.

Contoh berikut memberikan ilustrasi perbelanjaan layak bagi mengenal pasti sama ada pengaturannya mengikat mempunyai obligasi pelaksanaan:

Contoh 1 – Kutipan zakat

Entiti menerima kutipan zakat daripada pembayar zakat (penyedia pindahan) untuk diagihkan oleh entiti (penerima pindahan) kepada asnaf yang ditentukan berdasarkan ketetapan syariah. Agihan yang ditanggung diklasifikasikan sebagai perbelanjaan layak.

Contoh 2 – Pelaksanaan program

Entiti menerima geran bagi melaksanakan program sahsiah diri untuk pelajar sekolah. Perbelanjaan program merupakan perbelanjaan layak kerana ia perlu dibelanjakan berdasarkan syarat geran yang diterima.

Pindahan tanpa Obligasi Pelaksanaan (Seksyen 19.54)

Transaksi pertukaran di bawah kadar pasaran

- PA21. Pada kebiasaannya transaksi pertukaran berlaku apabila entiti menerima aset atau perkhidmatan, atau liabiliti dilangsaikan dan secara langsung memberi nilai yang hampir sama kepada entiti lain sebagai pertukaran. Dalam konteks ini, transaksi pertukaran di bawah kadar pasaran dianggap tidak mempunyai obligasi pelaksanaan. Walau bagaimanapun, apabila balasan yang diterima bawah kadar pasaran atau nominal, transaksi tersebut mempunyai inti pati transaksi bukan pertukaran.
- PA22. Transaksi pertukaran bawah kadar pasaran atau nominal tidak mempunyai obligasi pelaksanaan kerana entiti (penyedia barangan dan perkhidmatan) tidak mempunyai kewajipan kepada penerima barangan dan perkhidmatan untuk melaksanakan aktiviti boleh ditentukan atau menanggung perbelanjaan layak dan menerima balasan secara langsung daripada transaksi pertukaran tersebut. Aliran masuk balasan tersebut akan diiktiraf sebagai aset dan hasil daripada transaksi bukan pertukaran selaras dengan Seksyen 19.49.
- PA23. Dalam kes hasil manfaat zakat (Seksyen 18.42) dan hasil manfaat wakaf (Seksyen 18.48), apabila entiti memperakaunkan transaksi tersebut sebagai transaksi bukan pertukaran, entiti hendaklah mengiktiraf dan mengukur transaksi tersebut mengikut keperluan dalam Seksyen 18, Hasil daripada Transaksi Pertukaran, dan membuat pendedahan mengikut keperluan dalam Seksyen 19.123 (e), Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran.
- PA24. Contohnya, entiti menyewakan rumah kepada asnaf pada kadar di bawah pasaran. Hasil tersebut hendaklah diagihkan semula kepada asnaf berdasarkan keputusan fatwa. Bayaran sewaan yang diterima merupakan transaksi pertukaran, walau bagaimanapun, kadar sewaan di bawah pasaran memenuhi takrif hasil daripada transaksi bukan pertukaran. Oleh itu, pengiktirafan hasil hendaklah selaras dengan Seksyen 19, Hasil daripada Transaksi bukan Pertukaran. Entiti hendaklah menaksir sama ada terdapat obligasi pelaksanaan iaitu aktiviti boleh ditentukan atau perbelanjaan layak.
- PA25. Dalam kes PA24, transaksi tersebut tidak memenuhi takrif obligasi pelaksanaan kerana penerima pindahan tidak dikehendaki melaksanakan aktiviti boleh ditentukan atau menanggung perbelanjaan layak berdasarkan daripada pengaturannya mengikat antara penerima pindahan dan penyewa (penyedia pindahan). Oleh itu, hasil sewaan boleh terus diiktiraf sebagai hasil daripada transaksi bukan pertukaran.
- PA26. Walau bagaimanapun, obligasi kini wujud bagi hasil sewaan disebabkan keperluan syariah menetapkan, hasil sewaan tersebut perlu diagihkan kepada asnaf. Dalam konteks ini, hasil tersebut hendaklah diagihkan kepada asnaf berdasarkan keputusan fatwa yang menyebabkan hasil tersebut boleh dianggap sebagai perbelanjaan layak. Oleh yang demikian, entiti hendaklah mengiktiraf peruntukan (liabiliti) sekiranya kriteria pengiktirafan dalam Seksyen 25.20 dipenuhi. Sekiranya entiti pasti terhadap obligasi amaun hasil manfaat zakat dan pemaasan, entiti hendaklah terus mengiktiraf belum bayar (liabiliti).

Pindahan Lain

- PA27. Pindahan termasuk denda, fidyah dan kafarah, luqatah, harta atau wang tidak patuh syariah, geran, pelepasan hutang, pusaka, hadiah, derma, pemberian dalam bentuk barang dan perkhidmatan. Semua item ini mempunyai sifat biasa iaitu ia memindahkan sumber daripada satu entiti kepada entiti yang lain tanpa memerlukan pindahan barangan atau perkhidmatan yang berbeza kepada pembekal pindahan atau benefisiari pihak ketiga sebagai balasan, dan bukan kutipan zakat seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen ini.
- PA28. Pindahan memenuhi definisi aset apabila penerima pindahan mengawal sumber akibat peristiwa lampau dan menjangkakan untuk menerima manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan daripada sumber tersebut. Pindahan memenuhi kriteria untuk pengiktirafan sebagai aset apabila terdapat kebarangkalian bahawa aliran masuk sumber akan berlaku, dan nilai transaksinya boleh diukur dengan munasabah. Dalam keadaan tertentu, seperti apabila pemiutang melepaskan liabiliti, pengurangan dalam amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf sebelum ini mungkin timbul. Dalam kes ini, penerima pindahan tidak mengiktiraf aset (contohnya, tunai) daripada pindahan, sebaliknya mengurangkan amaun bawaan liabiliti. Contohnya, entiti berhutang dengan syarikat A sebanyak RM3,000. Syarikat A bersetuju untuk melepaskan hutang tersebut. Dalam situasi ini, entiti akan mengurangkan liabiliti dan mengiktiraf hasil daripada transaksi bukan pertukaran sebanyak RM3,000. Tiada aset (tunai) diiktiraf dalam pindahan ini.
- PA29. Penerima pindahan memperoleh kawalan ke atas sumber yang dipindahkan sama ada apabila sumber telah dipindahkan kepada penerima pindahan, atau penerima pindahan mempunyai tuntutan yang boleh dikuatkuasakan terhadap penyedia pindahan. Kebanyakan pengaturanan untuk memindahkan sumber, mengikat semua pihak sebelum pindahan sumber berlaku. Walau bagaimanapun, kadangkala seorang penerima pindahan berjanji untuk memindahkan sumber, tetapi gagal berbuat demikian. Kesannya, hanya apabila:
- (a) tuntutan boleh dikuatkuasakan; dan
 - (b) penerima pindahan menaksir bahawa kebarangkalian aliran masuk sumber akan berlaku, aset, liabiliti dan/atau hasil akan diiktiraf. Sehingga waktu itu, penerima pindahan tidak boleh mengecualikan atau mengawal selia akses pihak ketiga kepada manfaat sumber yang dicadangkan untuk pindahan.
- PA30. Pindahan sumber yang memenuhi definisi sumbangan daripada pemilik tidak akan menimbulkan hasil. Perjanjian:
- (a) yang menyatakan bahawa entiti yang menyediakan sumber berhak mendapat pengagihan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan semasa hayat entiti penerima, atau pengagihan sebarang lebihan aset berbanding liabiliti sekiranya entiti penerima pindahan digulung; atau
 - (b) yang menyatakan bahawa entiti yang menyediakan sumber memperoleh kepentingan kewangan dalam entiti penerima pindahan yang boleh dijual, ditukar, dipindahkan atau ditebus, pada dasarnya, adalah perjanjian untuk membuat sumbangan daripada pemilik.

- PA31. Pindahan memenuhi definisi transaksi tanpa obligasi pelaksanaan kerana penyedia pindahan menyediakan sumber kepada penerima pindahan tanpa memerlukan penerima pindahan untuk memindahkan barangan atau perkhidmatan yang berbeza kepada penyedia pindahan atau penerima pihak ketiga. Jika perjanjian menghendaki penerima pindahan memindahkan barangan atau perkhidmatan yang berbeza kepada penyedia pindahan atau benefisiari pihak ketiga, perjanjian itu tidak menimbulkan transaksi tanpa obligasi pelaksanaan, tetapi pengaturan yang mengikat dengan obligasi pelaksanaan yang harus diambil kira di bawah Piawaian ini.
- PA32. Penerima pindahan menganalisis semua keperluan yang terkandung dalam pengaturan untuk menentukan sama ada ia menanggung obligasi kini apabila ia menerima sumber yang dipindahkan.

Denda

- PA33. Denda ialah manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diterima atau belum terima oleh entiti, akibat pelanggaran hukum syarak, undang-undang atau peraturan. Dalam sesetengah bidang kuasa, pegawai penguat kuasa undang-undang boleh mengenakan denda ke atas individu yang dianggap telah melanggar undang-undang. Dalam kes ini, individu tersebut biasanya mempunyai pilihan untuk membayar denda, atau pergi ke mahkamah untuk mempertahankan perkara tersebut. Jika defendan mencapai persetujuan dengan pendakwa yang termasuk pembayaran penalti dan bukannya dibicarakan di mahkamah, bayaran tersebut diiktiraf sebagai denda.
- PA34. Denda (selain fidyah dan kafarah) biasanya tidak menyebabkan entiti mempunyai sebarang obligasi yang mungkin diiktiraf sebagai liabiliti. Oleh itu, denda diiktiraf sebagai hasil apabila penghutang memenuhi definisi aset dan memenuhi kriteria pengiktirafan sebagai aset yang ditetapkan dalam Seksyen 19.33. Seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 19.11, di mana penerima pindahan mengutip denda dalam kapasiti ejen, denda tidak akan menjadi hasil entiti pemungut. Aset yang timbul daripada denda diukur pada anggaran terbaik aliran masuk sumber kepada penerima pindahan.

Wasiat

- PA35. Wasiat ialah pindahan sumber yang dibuat mengikut peruntukan wasiat orang yang telah meninggal dunia. Peristiwa lepas yang menimbulkan kawalan sumber yang merangkumi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan untuk wasiat berlaku apabila penerima pindahan mempunyai tuntutan yang boleh dikuatkuasakan, contohnya mengenai kematian pewasiat, atau pemberian probet, bergantung pada undang-undang dan/atau peraturan bidang kuasa.
- PA36. Wasiat yang memenuhi definisi aset diiktiraf sebagai aset dan hasil apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada penerima pindahan, dan nilai transaksi aset boleh diukur dengan pasti. Menentukan kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan mungkin menjadi masalah jika tempoh masa berlalu antara kematian pewasiat dan penerima pindahan menerima sebarang aset. Penerima pindahan perlu menentukan sama ada harta pusaka si mati mencukupi untuk memenuhi semua tuntutan ke atasnya, dan memenuhi semua wasiat. Jika wasiat tersebut dipertikaikan, ini juga akan menjejaskan kebarangkalian aset mengalir kepada penerima pindahan.

PA37. Nilai transaksi aset yang diwasiatkan ditentukan dengan cara yang sama seperti hadiah dan derma, seperti yang diterangkan dalam perenggan PA40. Dalam bidang kuasa di mana harta pusaka si mati tertakluk kepada cukai, pihak berkuasa cukai mungkin sudah menentukan nilai transaksi aset yang diwasiatkan kepada penerima pindahan, dan jumlah ini mungkin tersedia kepada penerima pindahan. Wasiat diukur pada nilai transaksi sumber yang diterima atau belum terima.

Hadiah dan Derma, termasuk Pemberian dalam Bentuk Barangan

PA38. Hadiah dan derma ialah pindahan aset secara sukarela, termasuk wang tunai atau aset kewangan lain, pemberian dalam bentuk barangan dan perkhidmatan yang dibuat oleh satu entiti kepada entiti lain, biasanya tanpa syarat. Penyedia pindahan mungkin suatu entiti atau individu. Untuk hadiah dan derma wang tunai atau aset kewangan lain dan pemberian dalam bentuk barangan, peristiwa lampau yang menimbulkan kawalan sumber yang merangkumi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan biasanya adalah penerimaan hadiah atau derma. Pengiktirafan hadiah atau derma bagi pemberian dalam bentuk perkhidmatan adalah dinyatakan dalam Seksyen 19.112 - 19.117.

PA39. Pemberian dalam bentuk barangan adalah aset ketara yang dipindahkan kepada penerima pindahan dalam transaksi tanpa obligasi pelaksanaan, tetapi mungkin tertakluk kepada aktiviti boleh ditentukan. Bantuan luar yang disediakan oleh organisasi pembangunan pelbagai hala atau dua hala selalunya merangkumi komponen dalam bentuk barangan.

PA40. Hadiah dan derma (selain daripada pemberian dalam bentuk perkhidmatan) diiktiraf sebagai aset dan hasil apabila terdapat kebarangkalian bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada penerima pindahan dan nilai transaksi aset boleh diukur dengan munasabah. Dengan hadiah dan derma, pemberian hadiah atau derma dan pindahan hak milik undang-undang selalunya serentak; dalam keadaan sedemikian, tidak ada keraguan tentang manfaat ekonomi masa hadapan yang mengalir kepada penerima pindahan.

PA41. Pemberian dalam bentuk barangan diiktiraf sebagai aset apabila barang diterima, atau terdapat pengaturan mengikat untuk menerima barang. Jika pemberian dalam bentuk barangan diterima tanpa pengaturan mengikat, hasil diiktiraf serta-merta. Jika aktiviti boleh ditentukan diperlukan di bawah pengaturan mengikat, liabiliti diiktiraf. Apabila aktiviti boleh ditentukan dilaksanakan, liabiliti tersebut dikurangkan dan hasil diiktiraf.

PA42. Pada pengiktirafan awal, hadiah dan derma termasuk pemberian dalam bentuk barangan diukur pada nilai transaksi, sebagai nilai saksamanya, pada tarikh pemerolehan, yang boleh dipastikan dengan merujuk kepada pasaran aktif, atau melalui penilaian. Bagi kebanyakan aset, nilai transaksi akan mudah dipastikan dengan merujuk kepada harga disebut dalam pasaran yang aktif dan cair. Sebagai contoh, harga pasaran semasa biasanya boleh diperoleh untuk tanah, bangunan bukan khusus, kenderaan bermotor dan pelbagai jenis loji dan peralatan. Dalam keadaan tertentu, penilaian ke atas aset boleh dilakukan oleh jurunilai bertauliah.

Pelepasan Hutang dan Andaian Liabiliti

PA43. Pemberi pinjaman/pembiayaan kadangkala akan mengetepikan hak mereka untuk mengutip hutang yang terhutang oleh entiti, dengan berkesan membatalkan hutang tersebut. Sebagai contoh, pembiaya boleh membatalkan pinjaman/pembiayaan yang terhutang oleh entiti. Dalam keadaan sedemikian, entiti mengiktiraf peningkatan dalam aset bersih kerana liabiliti yang diiktiraf sebelum ini dihapuskan.

- PA44. Entiti mengiktiraf hasil berkenaan dengan pelepasan hutang apabila hutang dahulu tidak lagi memenuhi definisi liabiliti atau memenuhi kriteria pengiktirafan sebagai liabiliti, dengan syarat pelepasan hutang tidak memenuhi definisi sumbangan daripada pemilik.
- PA45. Jika entiti mengawal melepaskan hutang yang terhutang oleh entiti yang dikawal milik penuh, atau menanggung liabilitinya, transaksi itu mungkin merupakan sumbangan daripada pemilik, seperti yang diterangkan dalam Seksyen 19.13-19.14.
- PA46. Hasil yang timbul daripada pelepasan hutang diukur pada amaun bawaan hutang yang dilepaskan.

Fi Permohonan Pensijilan Halal

- PA47. Sijil Pengesahan Halal ialah suatu perakuan yang menunjukkan bahawa semua peringkat pengeluaran, pembungkusan, penyimpanan dan pengangkutan bahan mentah seperti produk makanan dihasilkan menurut peraturan agama Islam. Oleh itu, peniaga memohon sijil pengesahan halal bagi meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap keterjaminan makanan yang dijual.
- PA48. Pihak berkuasa akan membuat pengauditan ke atas semua dokumentasi permohonan yang diterima dan fi yang dikenakan bagi setiap permohonan lengkap walaupun permohonan tersebut tidak berjaya. Fi tersebut akan dipindahkan kepada entiti sebagai hasil. Entiti mengiktiraf fi permohonan pensijilan halal sebagai hasilnya.

Pengukuran

Pengukuran Aset Dipindahkan (rujuk Seksyen 19.55 – 19.56)

- PA49. Seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 19.55-19.56, aset yang dipindahkan diukur pada nilai transaksinya pada tarikh pengiktirafan. Inventori, hartanah, loji, peralatan atau hartanah pelaburan yang diperolehi melalui transaksi bukan pertukaran hendaklah pada mulanya diukur pada nilai saksamanya pada tarikh pemerolehan. Instrumen kewangan, termasuk tunai dan pindahan belum terima yang memenuhi definisi instrumen kewangan, dan aset lain, juga akan diukur pada nilai transaksinya pada tarikh pemerolehan dan dasar perakaunan yang sesuai.

Menentukan Nilai Transaksi (Seksyen 19.61 – 19.71)

- PA50. Penerima pindahan hendaklah menggunakan keperluan dalam Seksyen 19.61-19.71 (termasuk keperluan untuk mengekang pengukuran dalam Seksyen 19.69-19.70) untuk menentukan jumlah hasil yang penerima pindahan menjangkakan berhak. Untuk sebarang hasil yang penerima pindahan tidak yakin bahawa terdapat kebarangkalian besar penarikbalikan amaun yang ketara tidak akan berlaku, penerima pindahan tidak akan mengiktiraf hasil. Selepas itu, pada penghujung setiap tempoh pelaporan, penerima pindahan hendaklah mengemas kini penaksirannya tentang amaun yang dijangka layak untuk menentukan sama ada nilai ambang untuk pengukuran telah dicapai.

Pendedahan (rujuk Seksyen 19.122 – 19.130)**Pendedahan Hasil Secara Bukan Agregat**

- PA51. Seksyen 19, Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran memerlukan penerima pindahan untuk mengasingkan hasil daripada pengaturan mengikat dengan obligasi kini ke dalam kategori yang menggambarkan bagaimana sifat, amaun, masa dan ketidakpastian hasil dan aliran tunai dipengaruhi oleh faktor ekonomi. Kesannya, sejauh mana hasil penerima pindahan diasingkan untuk tujuan pendedahan ini bergantung pada fakta dan keadaan yang berkaitan dengan pengaturan mengikat penerima pindahan dengan obligasi kini. Sesetengah entiti mungkin perlu menggunakan lebih daripada satu jenis kategori untuk memenuhi objektif dalam Seksyen 19.122 untuk mengasingkan hasil. Entiti lain mungkin memenuhi objektif dengan menggunakan hanya satu jenis kategori untuk mengasingkan hasil.
- PA52. Apabila memilih jenis kategori untuk digunakan untuk mengasingkan hasil, penerima pindahan hendaklah mempertimbangkan cara maklumat tentang hasil penerima pindahan telah dibentangkan untuk tujuan lain, termasuk semua yang berikut:
- (a) Pendedahan yang dibentangkan di luar penyata kewangan (contohnya, dalam siaran akhbar, laporan tahunan atau pembentangan pihak berkepentingan);
 - (b) Maklumat disemak secara berkala untuk menilai prestasi kewangan segmen; dan
 - (c) Maklumat lain yang serupa dengan jenis maklumat yang dikenal pasti dalam perenggan PA52 (a) dan (b) serta yang digunakan oleh penerima pindahan atau pengguna penyata kewangan penerima pindahan untuk menilai prestasi kewangan penerima pindahan atau membuat keputusan berkaitan peruntukan sumber.
- PA53. Contoh kategori yang mungkin sesuai termasuk, tetapi tidak terhad kepada, semua yang berikut:
- (a) Jenis obligasi kini (contohnya, menanggung perbelanjaan layak atau menjalankan aktiviti boleh ditentukan);
 - (b) Wilayah geografi (contohnya, negara atau wilayah);
 - (c) Pasaran atau jenis penyedia pindahan (contohnya, penyedia pindahan entiti dan bukan kerajaan);
 - (d) Jenis pengaturan mengikat (contohnya, pengaturan mengikat seperti harga tetap, dan masa dan perkhidmatan); dan
 - (e) Tempoh pengaturan mengikat (contohnya, pengaturan mengikat jangka pendek dan jangka panjang).

Pendedahan Kemungkiran Terma dan Syarat Pengaturan Mengikat

- PA54. Pengolahan perakaunan bagi kemungkiran terma dan syarat pengaturan mengikat bergantung kepada:
- (a) sama ada pengaturan itu menimbulkan obligasi kini atau tidak;

- (b) waktu kemungkiran berlaku iaitu, sama ada dalam tempoh kemungkiran itu ditemui atau dalam tempoh sebelumnya; dan
- (c) sebab kemungkiran.

PA55. Jika kemungkiran berlaku dalam tempoh semasa dan dikenal pasti sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan, penerima pindahan akan mengiktiraf liabiliti untuk amaun yang akan dikembalikan kepada penyedia pindahan dan menyahiktiraf sebarang hasil yang telah diiktiraf dalam tempoh pelaporan.

PA56. Jika kemungkiran ditentukan telah berlaku dalam tempoh sebelumnya, pengolahan perakaunan akan ditentukan dengan menaksir sama ada kemungkiran tersebut telah mengakibatkan:


- (a) Perubahan dalam anggaran perakaunan seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 27, Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan. Anggaran perakaunan digunakan di mana item dalam penyata kewangan tidak boleh diukur dengan tepat dan pertimbangan mungkin diperlukan dalam mengukur item tersebut seperti yang diterangkan dalam Seksyen 27;
- (b) Kesilapan tempoh sebelumnya yang timbul daripada kegagalan untuk menggunakan, atau daripada penyalahgunaan, maklumat yang memberi gambaran sebenar tersedia apabila penyata kewangan bagi tempoh tersebut dibenarkan untuk diterbitkan atau dijangkakan telah diperolehi; atau
- (c) Peristiwa lampau yang berasingan kerana amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan tempoh sebelumnya bukanlah amaun anggaran dan berdasarkan penggunaan maklumat yang memberi gambaran sebenar tersedia pada tarikh kelulusan penyata kewangan untuk tempoh pelaporan yang relevan.

Contoh Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran

Panduan ini disertakan, tetapi bukan sebahagian daripada Seksyen 19, Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran.

Contoh 1 – Pengiktirafan Kutipan Zakat (Seksyen 19.29)

Model 1 – Kutipan zakat oleh entiti tanpa penubuhan institusi atau syarikat sebagai ejen



- C1. Pada 1 Mac 20X1, entiti (penerima pindahan) menerima cek bayaran zakat ke atas pendapatan perniagaan sebanyak RM10 juta di kaunter. Entiti mengawal sumber (kutipan zakat) apabila peristiwa dikenakan zakat berlaku, iaitu apabila tunai diterima daripada pembayar zakat. Entiti mempunyai obligasi syariah untuk mengagihkan zakat kepada asnaf yang ditentukan. Oleh itu, pada masa transaksi berlaku, entiti mengiktiraf aset dan liabiliti bagi zakat perniagaan yang diperolehi setakat mana ia boleh mengukurnya dengan munasabah.
- C2. Pada 15 Jun 20X1, entiti mengagihkan kutipan zakat kepada asnaf yang ditentukan berjumlah RM5 juta, entiti akan mengurangkan liabiliti dan mengiktiraf hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh pelaporan sewaktu obligasi dilaksanakan.
- C3. Pengolahan perakaunan yang berkaitan adalah seperti berikut:

1 Mac 20X1: Penerimaan kutipan zakat

Dt	Tunai	RM10,000,000	
Kt	Liabiliti – Zakat Belum Agih		RM10,000,000

15 Jun 20X1: Pengagihan zakat kepada asnaf

Dt	Agihan Asnaf	RM5,000,000	
Kt	Tunai		RM5,000,000


15 Jun 20X1: Mengurangkan liabiliti setelah pengagihan zakat

Dt	Liabiliti – Zakat Belum Agih	RM5,000,000	
Kt	Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran – Kutipan Zakat		RM5,000,000

**Sekiranya entiti menerima kutipan zakat melalui ejen atau amil, rujuk model 2 atau model 3 mengikut kesesuaian.*

Kutipan melalui ejen kutipan

Model 2 – entiti menubuhkan institusi khusus untuk menjalankan fungsi kutipan dan agihan zakat



- C4. Entiti menubuhkan satu institusi khas, iaitu Institusi L yang berfungsi sebagai ejen kutipan dan agihan zakat. Institusi L juga boleh melantik ejen-ejen kutipan zakat di bawahnya seperti bank, firma perakaunan dan institut pengajian tinggi. Pada 1 Jun 20X1, Institusi L memindahkan wang kutipan zakat termasuk kutipan daripada ejen-ejen lain lantikannya bagi bulan Mei berjumlah RM20 juta kepada entiti dan mengemukakan laporan kutipan pada 30 Jun 20X1. Pada 15 Jun 20X1, entiti menyerahkan wang agihan dalam bentuk pendahuluan berjumlah RM17 juta kepada Institusi L untuk tujuan agihan kepada asnaf. Seterusnya, Institusi L membuat agihan terkumpul sehingga 30 Jun 20X1 sebanyak RM15 juta dan mengemukakan laporan agihan zakat bagi bulan Jun kepada entiti.
- C5. Entiti mengawal sumber (kutipan zakat) apabila peristiwa dikenakan zakat berlaku, iaitu apabila tunai diterima daripada pembayar zakat. Walau bagaimanapun, dalam kes ini, kutipan zakat yang diterima adalah melalui Institusi L dan entiti masih belum dapat mengukur dengan munasabah amaun tunai yang diterima. Entiti hanya mengiktiraf kutipan zakat apabila ia dapat mengukur amaun kutipan dengan munasabah iaitu ketika Institusi L menyerahkan tunai kutipan kepada entiti. Pada masa yang sama, entiti mengiktiraf liabiliti kerana ia mempunyai obligasi syariah untuk mengagihkan zakat kepada asnaf yang ditentukan. Kesimpulannya, entiti mengiktiraf aset (tunai) dan liabiliti (zakat belum agih) bagi kutipan zakat yang diperolehi setakat mana ia boleh mengukurnya dengan munasabah.
- C6. Pengolahan perakaunan yang berkaitan adalah seperti berikut:

1 Jun 20X1: Penerimaan kutipan zakat daripada Institusi L

Dt	Tunai	RM20,000,000	
Kt	Liabiliti – Zakat Belum Agih		RM20,000,000

15 Jun 20X1: Pendahuluan wang agihan zakat kepada Institusi L

Dt	Aset – Agihan Wakalah Tertunda	RM17,000,000	
Kt	Tunai		RM17,000,000

30 Jun 20X1: Pengagihan zakat oleh entiti


Dt	Agihan Zakat	RM15,000,000	
Kt	Aset – Agihan Wakalah Tertunda		RM15,000,000

30 Jun 20X1: Entiti mengurangkan liabiliti setelah pengagihan zakat (Institusi L mengemukakan laporan agihan zakat kepada entiti)

Dt	Liabiliti – Zakat Belum Agih	RM15,000,000	
Kt	Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran – Kutipan Zakat		RM15,000,000

- C7. Apabila Institusi L menerima kutipan zakat termasuk daripada ejen-ejennya pada akhir tahun kewangan, contohnya 31 Disember 20X1, kutipan tersebut akan dipindahkan kepada entiti pada bulan Januari 20X2. Satu anggaran terbaik hendaklah dibuat pada tarikh pelaporan. Sekiranya anggaran terbaik boleh dibuat, entiti akan mengiktiraf kutipan zakat sebagai Zakat Belum Terima dan liabiliti sebagai Zakat Belum Agih pada 31 Disember 20X1.

Model 3 – entiti menubuhkan institusi khusus untuk menjalankan fungsi kutipan zakat



- C8. Entiti menubuhkan satu syarikat, iaitu Syarikat P yang berfungsi sebagai ejen kutipan zakat. Syarikat P juga boleh melantik ejen-ejen kutipan zakat di bawahnya seperti bank, firma perakaunan dan pejabat pos. Pada 1 Oktober 20X1, Syarikat P memindahkan wang kutipan zakat termasuk kutipan daripada ejen-ejen lain lantikannya bagi bulan September berjumlah RM50 juta kepada entiti dan mengemukakan laporan kutipan pada 30 September 20X1. Pada 15 dan 17 Oktober 20X1, entiti membuat agihan berjumlah RM5 juta dan RM20 juta kepada asnaf.

- C9. Entiti mengawal sumber (kutipan zakat) apabila peristiwa dikenakan zakat berlaku, iaitu apabila tunai diterima daripada pembayar zakat. Walau bagaimanapun, dalam kes ini, kutipan zakat yang diterima adalah melalui Syarikat P dan entiti masih belum dapat mengukur dengan munasabah amaun tunai yang diterima. Entiti hanya mengiktiraf kutipan zakat apabila ia dapat mengukur amaun kutipan dengan munasabah iaitu ketika Syarikat P menyerahkan tunai kutipan kepada entiti. Pada masa yang sama, entiti mengiktiraf liabiliti kerana ia mempunyai obligasi syariah untuk mengagihkan zakat kepada asnaf yang ditentukan. Kesimpulannya, entiti mengiktiraf aset (tunai) dan liabiliti (zakat belum agih) bagi kutipan zakat yang diperolehi setakat mana ia boleh mengukurnya dengan munasabah.
- C10. Pengolahan perakaunan yang berkaitan adalah seperti berikut:

1 Oktober 20X1: Penerimaan kutipan zakat daripada Syarikat P

Dt Tunai	RM50,000,000	
Kt Liabiliti – Zakat Belum Agih		RM50,000,000

15 Oktober 20X1: Pengagihan zakat oleh entiti

Dt Agihan Asnaf	RM5,000,000	
Kt Tunai		RM5,000,000

15 Oktober 20X1: Entiti mengurangkan liabiliti setelah pengagihan zakat

Dt Liabiliti – Zakat Belum Agih	RM5,000,000	
Kt Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran – Kutipan Zakat		RM5,000,000

17 Oktober 20X1: Pengagihan zakat oleh entiti

Dt Agihan Asnaf	RM20,000,000	
Kt Tunai		RM20,000,000

17 Oktober 20X1: Entiti mengurangkan liabiliti setelah pengagihan zakat

Dt Liabiliti – Zakat Belum Agih	RM20,000,000	
Kt Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran – Kutipan Zakat		RM20,000,000

Contoh 2 – Pindahan Lain: Derma tanpa Obligasi

- C11. Entiti (penerima pindahan) menerima derma daripada individu (penyedia pindahan) sebanyak RM20,000 tanpa syarat. Dalam kes ini, entiti boleh mengiktiraf derma tersebut sebagai aset dan hasil daripada transaksi bukan pertukaran.

Contoh 3 – Pindahan Tunai dengan Obligasi (Seksyen 19.72 – 19.76)

- C12. Entiti menerima dana sebanyak RM1 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk membina bazaar rakyat di perkarangan masjid di Negeri K. Dana tersebut hendaklah dibelanjakan dalam tempoh setahun dari tarikh terimaan. Sekiranya bazaar rakyat tidak disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, dana tersebut tidak perlu dipulangkan. Kontraktor yang dilantik akan membuat tuntutan apabila bazaar rakyat tersebut selesai dibina. Entiti bertanggungjawab untuk membayar kontraktor tersebut berdasarkan tuntutan. Obligasi pelaksanaan wujud apabila entiti menerima pindahan tunai daripada Kerajaan Persekutuan bagi membina bazaar rakyat tersebut (aktiviti boleh ditentukan). Dalam kes ini, entiti perlu mengiktiraf aset dan liabiliti. Selepas obligasi dilaksanakan, liabiliti dikurangkan dan hasil daripada transaksi bukan pertukaran diiktiraf.

Contoh 4 – Pindahan daripada Kerajaan Negeri – transaksi tidak boleh dikuatkuasakan

- C13. Kerajaan Negeri J memindahkan 200 hektar tanah kepada entiti (penerima pindahan) untuk dijadikan ladang kelapa sawit. Perjanjian itu menyatakan bahawa tanah itu akan digunakan untuk ladang kelapa sawit, tetapi tidak menyatakan bahawa tanah itu akan dipulangkan jika tidak digunakan untuk ladang kelapa sawit atau dikenakan bentuk ganti rugi lain.
- C14. Entiti mengiktiraf tanah sebagai aset dalam penyata kedudukan kewangan tempoh pelaporan di mana ia memperoleh kawalan ke atas tanah tersebut. Tanah itu hendaklah diiktiraf pada nilai saksamanya menurut Seksyen 12, Hartanah, Loji dan Peralatan. Obligasi itu tidak boleh dikuatkuasakan, oleh itu, tidak memenuhi definisi liabiliti atau memenuhi kriteria untuk pengiktirafan sebagai liabiliti. Justeru, entiti mengiktiraf hasil berkaitan tanah tersebut dalam Penyata Prestasi Kewangan bagi tempoh pelaporan apabila tanah itu diiktiraf sebagai aset.

Contoh 5 – Wasiat Cadangan (perenggan PA34 – PA36)

- C15. Seorang pengengaruh berusia 25 tahun (penyedia pindahan) menamakan entiti (penerima pindahan) sebagai benefisiari utama dalam wasiatnya. Perkara ini dimaklumkan kepada pihak entiti. Pengengaruh tersebut belum berkahwin dan tidak mempunyai anak dan mempunyai harta pusaka yang kini bernilai RM500,000.
- C16. Entiti tidak mengiktiraf sebarang aset atau hasil dalam penyata kewangan untuk tempoh wasiat dibuat. Peristiwa lampau untuk wasiat adalah kematian pewasiat (pembekal pindahan), yang belum berlaku.

Contoh 6 – Denda dengan Obligasi Pelaksanaan (Seksyen 19.108 – 19.111)

- C17. Seorang suami didapati bersalah kerana menyamakan fizikal isterinya dengan ibu kandungnya iaitu zihar. Sebagai denda, beliau membayar kafarah sebanyak RM480 dan 15% kos pengurusan kepada entiti disebabkan tidak mampu berpuasa dua bulan berturut-turut. Entiti mempunyai obligasi untuk memberi makan kepada 60 orang fakir miskin daripada bayaran kafarah yang diterima.
- C18. Entiti (penerima pindahan) mengiktiraf aset dan liabiliti sebanyak RM480 dalam penyata kewangan bagi tempoh pelaporan apabila kafarah tersebut dikenakan, manakala RM72 (15% kos pengurusan) sebagai aset dan hasil daripada transaksi pertukaran. Dalam kes ini, apabila entiti memberi makan kepada 60 orang fakir miskin, entiti dianggap telah melaksanakan obligasinya serta mengurangkan liabiliti dan mengiktiraf hasil daripada transaksi bukan pertukaran.

Contoh 7 – Denda tanpa Obligasi Pelaksanaan

- C19. Seorang individu didapati bersalah kerana berkhawat. Sebagai denda, beliau membayar RM3,000 kepada mahkamah syariah. Enakmen Negeri A menetapkan hasil yang diterima oleh mahkamah syariah hendaklah diserahkan kepada entiti (penerima pindahan). Entiti menerima kutipan denda daripada mahkamah syariah. Entiti mengiktiraf aset dan hasil sebanyak RM3,000 dalam penyata kewangan bagi tempoh pelaporan. Dalam kes ini, entiti tiada obligasi apabila menerima kutipan denda tersebut dan boleh mengiktiraf hasil daripada transaksi bukan pertukaran.

Contoh 8 – Pemberian dalam Bentuk Barangan yang Diterima sebagai Hasil (perenggan PA28 – PA42)

- C20. Syarikat A (penyedia pindahan) bersetuju untuk memberikan dua unit pendingin hawa kepada entiti (penerima pindahan) untuk kegunaan sekolah yang dimiliki oleh entiti. Syarikat A membeli pendingin hawa tersebut pada harga RM2,000 seunit sebelum memindahkannya kepada entiti. Dokumen terimaan hadiah menyatakan bahawa pendingin hawa tersebut bernilai RM2,000 seunit. Berdasarkan dokumen berkenaan, entiti mengiktiraf aset dan hasil daripada transaksi bukan pertukaran pada nilai RM2,000 seunit.

Contoh 9 – Penerimaan Aset Menggunakan Wang Tak Patuh Syariah (Seksyen 19.106 – 19.107)

- C21. Seorang individu (penyedia pindahan) menyerahkan sebidang tanah bernilai RM1 juta yang dibeli menggunakan sumber yang tidak patuh syariah seperti duit judi kepada entiti (penerima pindahan). Individu tersebut turut menyerahkan geran tanah atas nama individu berkenaan dan dokumen serahan yang mengikat antara kedua belah pihak pada 30 Jun 20X1. Entiti melakukan proses pertukaran hak milik tanah tersebut yang mengambil masa setahun.
- C22. Pada masa dokumen diserahkan (30 Jun 20X1), kawalan terhadap aset tersebut telah dipindahkan di bawah kawalan entiti. Oleh itu, entiti mengiktiraf aset dan hasil daripada transaksi bukan pertukaran pada nilai RM 1 juta.

Contoh 10 – Pendedahan Pemberian Dalam Bentuk Perkhidmatan yang Tidak Diiktiraf (Seksyen 19.122 – 19.130)

- C23. Polisi perakaunan hospital yang dimiliki oleh entiti (penerima pindahan) adalah untuk mengiktiraf perkhidmatan sukarela yang diterima sebagai aset dan hasil apabila ia memenuhi definisi aset dan memenuhi kriteria untuk pengiktirafan sebagai aset. Hospital ini mendapatkan perkhidmatan sukarelawan sebagai sebahagian daripada program yang dianjurkan. Matlamat utama program ini adalah untuk mendedahkan sukarelawan kepada persekitaran hospital, dan untuk mempromosikan kejururawatan sebagai kerjaya. Sukarelawan mestilah berumur sekurang-kurangnya enam belas tahun, dan pada mulanya dikehendaki membuat komitmen enam bulan untuk bekerja satu syif pagi atau petang selama empat jam setiap minggu. Syif pertama bagi setiap sukarelawan terdiri daripada sesi latihan orientasi hospital. Banyak institusi pengajian tinggi membenarkan pelajar menjalankan kerja ini sebagai sebahagian daripada program pendidikan mereka. Sukarelawan bekerja di bawah arahan jururawat berdaftar dan menjalankan tugas bukan jururawat seperti melawat pesakit dan membaca kepada pesakit. Hospital entiti tidak membayar sukarelawan, dan tidak akan melibatkan pekerja untuk melaksanakan kerja sukarelawan jika sukarelawan tidak tersedia.

- C24. Entiti menganalisis perjanjian yang ada dengan sukarelawan dan membuat kesimpulan bahawa, sekurang-kurangnya untuk enam bulan pertama sukarelawan baharu, ia mempunyai kawalan yang mencukupi ke atas perkhidmatan yang akan disediakan oleh sukarelawan untuk memenuhi definisi kawalan aset. Hospital juga membuat kesimpulan bahawa ia menerima potensi perkhidmatan daripada sukarelawan, memenuhi definisi aset. Walau bagaimanapun, entiti menyimpulkan bahawa ia tidak boleh mengukur nilai saksama perkhidmatan yang disediakan oleh sukarelawan dengan munasabah, kerana tiada jawatan bergaji yang setara sama ada di hospital atau di kemudahan kesihatan atau penjagaan masyarakat lain di kawasan ini. Pihak entiti tidak mengiktiraf perkhidmatan dalam bentuk yang disediakan oleh sukarelawan. Entiti mendedahkan bilangan jam perkhidmatan yang disediakan oleh sukarelawan semasa tempoh pelaporan dan penerangan mengenai perkhidmatan yang disediakan.

Contoh 11 – Interaksi antara Keperluan Pengukuran Seksyen 19, Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran dan Seksyen 26, Instrumen Kewangan

Latar belakang

- C25. Seorang individu menderma saham dalam Entiti X yang tersenarai dalam Bursa Malaysia kepada Entiti A pada 1 Januari 20X8. Pada tarikh tersebut, saham dalam Entiti X mempunyai nilai saksama sebanyak RM1,000,000. Pada 31 Disember 20X8, nilai saksama saham ialah RM900,000. Sebagai sebahagian daripada pengaturannya, Entiti A menanggung obligasi pindahan untuk memindahkan saham ke atas namanya. Kos ini berjumlah RM10,000.
- C26. Entiti A mengukur pelaburan dalam saham pada nilai saksama melalui aset bersih/ekuiti apabila saham tidak dipegang untuk dagangan. Diandaikan bahawa pengaturannya itu adalah perjanjian kontrak, tiada obligasi kini timbul daripada derma dan tempoh pelaporan Entiti A berakhir pada 31 Disember 20X8.

Analisis

- C27. Memandangkan Entiti A menerima saham Entiti X sebagai derma, Entiti A menggunakan Seksyen 19, Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran pada awalnya untuk mengiktiraf saham yang diperolehi dan hasil yang berkaitan tanpa obligasi pelaksanaan. Walau bagaimanapun, disebabkan Entiti A telah memperoleh aset kewangan, ia mempertimbangkan keperluan pengukuran awal menggunakan Seksyen 26, Instrumen Kewangan.
- C28. Seksyen 19, Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran menetapkan bahawa aset yang diperolehi sebagai sebahagian daripada transaksi hasil daripada transaksi bukan pertukaran pada mulanya diukur pada nilai saksama, manakala Seksyen 26, Instrumen Kewangan menetapkan bahawa aset kewangan pada mulanya diukur pada nilai saksama dan, bergantung pada klasifikasinya, mungkin termasuk kos transaksi atau tidak. Memandangkan Entiti A mempunyai dasar untuk mengukur pelaburan dalam saham pada nilai saksama melalui aset bersih/ekuiti, kos transaksi sebanyak RM10,000 ditambah kepada nilai saham sebanyak RM1,000,000 pada pengukuran awal.
- C29. Pengukuran dan penyahiktirafan saham seterusnya ditangani dalam Seksyen 26, Instrumen Kewangan. Entiti A mengukur pelaburan dalam saham pada nilai saksama melalui aset bersih/ekuiti Entiti X yang bermaksud bahawa saham diukur pada nilai saksama dengan sebarang perubahan seterusnya dalam nilai saksama diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Dividen sebanyak RM10,000 juga diiktiraf sebagai hasil daripada transaksi pertukaran dalam lebihan atau kurangan.

C30. Catatan jurnal pada pemerolehan awal dan pada tarikh pelaporan adalah seperti berikut:

Perolehan saham melalui derma

Dt	Pelaburan dalam Entiti X	RM1,010,000	
Kt	Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran		RM1,000,000
Kt	Bank (kos pindahan dibayar)		RM10,000

Pengukuran berikutnya pada 31 Disember 20X8

Dt	Lebihan atau Kurangan (Pelarasan nilai saksama pelaburan)	RM110,000	
Kt	Pelaburan dalam Entiti X		RM110,000

Pengiktirafan dividen pada 31 Disember 20X8

Dt	Tunai	RM10,000	
Kt	Hasil daripada Transaksi Pertukaran		RM10,000